

PM deklamasi puisi sempena Malam Suara Puteri Merdeka

Oleh HAMDEN RAMLI

KUALA LUMPUR 27 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak menghampakan impian Puteri UMNO apabila mendeklamasikan puisi kegemarannya, *Ku Cari Damai Abadi* sempena Malam Suara Puteri Merdeka anjuran pergerakan berkenaan.

Persembahan secara bersahaja dan spontan Perdana Menteri ketika mendeklamasikan puisi itu berjaya memukau hadirin yang memenuhi Auditorium Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, malam ini.

Terdahulu sebelum menyampaikan

puisi tersebut, Abdullah sempat berseloroh dengan memberitahu beliau sebenarnya mempunyai empat buah puisi yang menjadi kesukaannya.

"Satu, puisi *Ku Cari Damai Abadi* manakala tiga lagi untuk Endon (Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood), tiada siapa yang tahu," katanya.

Puisi *Ku Cari Damai Abadi* ciptaan sendiri Perdana Menteri mula dideklamasikan pada Malam Puisi Utusan Ke-10 pada 9 Mei 2003.

Puisi itu telah digubah menjadi lagu oleh Datuk Ibrahim Bachik dan pertama kali diperdengarkan pada Malam Puisi Angkasapuri pada 5 September 2004.

Dalam pada itu, turut mendeklamasikan

puisi ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang menyampaikan puisi ciptaannya sendiri bertajuk *Segeralah Bangsa Kita Glokalkan*.

Ketua Pergerakan Puteri UMNO, Datuk Noraini Ahmad pula mendeklamasikan puisi bertajuk *Merdekakah Kita* sementara Ketua Pergerakan Pemuda Wilayah Persekutuan Datuk Mohamad Norza Zakaria menyampaikan puisi *Wajah Merdeka*.

Antara pendeklamasi lain ialah Datuk Norhayati Omar, barisan Exco dan ahli-ahli Puteri UMNO serta beberapa pendeklamasi jemputan termasuk Rosyam Nor, Salleh Yaacob dan Khir Rahman.

Malam Suara Puteri Merdeka diada-

kan bagi menyemarakkan sambutan Bulan Kemerdekaan, selain menghayati semangat pejuang kemerdekaan terdahulu melalui bacaan puisi berlatarkan muzik tradisional.

Sementara itu, turut diadakan ialah penyampaian tajaan 3,000 naskhah akhbar tulisan jawi *Utusan Melayu Mingguan* oleh Puteri UMNO.

Majlis penyerahan itu disempurnakan oleh Noraini kepada Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Khalid Mohd. sambil disaksikan oleh Perdana Menteri.

Akbar *Utusan Melayu Mingguan* itu akan disalurkan kepada Persatuan Anak-Anak Yatim seluruh Malaysia (Peyatim) bagi menjayakan program Jom Baca Jawi.

UM - 28/8/2006

PERDANA